KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **14 JULAI 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# KPDN sasar 25,000 ahli Skip menjelang hujung tahun ini

**PENAMPANG** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyasarkan pendaftaran ahli Skuad Kita Pengguna (Skip) mencapai 25,000 orang menjelang hujung tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, Skip merupakan salah satu strategi KPDN dalam mendapatkan penglibatan orang ramai sejajar dengan inisiatif Kita Gempur kementerian itu.

"Ahli Skip merupakan rakan strategik kementerian dalam menggerakkan advokasi kepenggunaan di seluruh negara.

"Mereka akan digerakkan sebagai penghubung antara rakyat dan kerajaan dalam menangani isu-isu kepenggunaan secara lebih responsif dan inklusif sekali gus menjadi teras kepada keberkesanan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) 2.0.

"Skip berperanan dalam membantu KPDN antaranya termasuklah membantu kementerian dalam usaha mendidik masyarakat untuk menjadi pengguna berdaya upaya yang tahu hak serta berani untuk mengambil tindakan selaras dengan perundangan atau peraturan sedia ada," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Festival Pengguna (CONFEST) 2025 di sini semalam.

Katanya, selain itu, skuad berkenaan juga mewakili setiap lapisan masyarakat seperti sektor awam, swasta, persendirian dan pertubuhan untuk membantu kerajaan dalam usaha meningkatkan pengetahuan serta mendidik masyarakat berkaitan kemahiran kepenggunaan.

"Oleh itu, kita akan terus memperkasakan peranan Skip yang digerakkan melalui pertambahan ahli di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Armizan menyatakan seiring aspirasi menyemarakkan kesedaran dan aktivisme konsumerisme, KPDN dalam fasa akhir memuktamadkan DPN 2.0.

Menurut beliau, dasar tersebut bakal menjadi rujukan utama kepada semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan inisiatif dan aktiviti yang berkaitan dengan kepenggunaan di negara ini.

"DPN 2.0 akan memperincikan peranan dan tanggungjawab setiap pemegang taruh, sama ada secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan pengguna.

"Hubungan antara pelbagai pemegang taruh ini penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang perlindungan pengguna serta penyampaian maklumat yang tepat dan menyeluruh ke arah pembentukan pengguna Malaysia yang berdaya upaya," tambahnya.

The Star

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 3

# Making every ringgit count

## Shoppers flock to government-subsidised sale as cost of living rises

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Shoppers queued with baskets in hand, drawn by prices they had not seen in some time – RM3.90 for instant noodles, RM16.80 for 850gm packs of milk powder, RM11 for a whole chicken (almost 1.4kg) and much more.

About 40 such essential items were up for grabs at the Jualan Rahmah programme at Greenlane Heights, organised by Seri Delima service centre and Greenlane Heights Village Community Management Council (MPKK).

Residents from the neighbourhood were seen leaving with bags of groceries, bought at a discount.

Vijayan Raj, 43, a security guard, said he regularly looks out for locations hosting Jualan Rahmah, where household essential items are sold cheaper than at regular retail shops.

"Jualan Rahmah has helped me cope with the spike in daily expenses. The prices here are much cheaper than in the shops," he added.

At the event yesterday he said that with his modest earnings and increasing household expenses, the initiative provides a much-needed cushion, especially when purchasing basic food items and necessities.

Tan Teik Lun, 37, said he always finds ways to come to the Jualan Rahmah programme to buy essential items.

"Imagine buying 500gm of potatoes for only RM1, I will not be able to get this price at the morning market or even the grocery store," said the father of two, who works at a car accessories shop.

He also hopes the government will expand the programme to more communities, especially lower-income urban and semi-urban families.

For Azimah Kamaruddin, 47, a civil servant, she often scrolls through social media to track the latest Jualan Rahmah programme in Penang.

"I always check Facebook and Instagram to find out where the next Jualan Rahmah will be.

"Whenever it's nearby, I make sure to go. The prices are much cheaper, it makes a difference," she said, adding that she would end up spending much less for groceries, which would normally cost her over RM100.

The mother of five said the initiative helped stretch her monthly salary, especially with the rising cost of basic necessities.

"With five growing children, every Ringgit counts and programmes like Jualan Rahmah help those like me lighten the load," she said.

Seri Delima assemblyman Connie Tan said the Jualan Rahmah programme yesterday was the 17th edition of the initiative for the people in her constituency.

"The initiative always receives a strong response from the local community," she added.




**Welcomed relief:** Residents waiting their turn to buy groceries at the Jualan Rahmah programme at Greenlane Heights, Penang. — LIM BENG TATT/The Star

Tan said the strategic and convenient location makes it easier for nearby residents who prefer walking to the event.

She said the programme was held two to three times a month at several locations in her constituency to help the community save on groceries.

Describing the programme as a success, Tan said it will continue to be held from time to time to benefit more communities.

She explained that the discounts offered during the sales are fully absorbed by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) through government subsidies, enabling consumers to enjoy lower prices without burdening the traders.

"This is part of the government's commitment to ease the cost of living, especially for the B40 and M40 groups," she added.

Launched on Jan 11, 2023, the programme introduced by KPDN, aimed at offering daily necessities at discounts ranging from 10% to 30% below local market prices.

It is part of the ministry's broader Payung Rahmah initiative to ease the financial burden on Malaysians.

The initiative provides discounts of 10% to 30% below market prices at major supermarkets and hypermarkets, with priority given to locations with high low-income populations.

The programme is nationwide, spanning all 222 parliamentary constituencies, and includes a wide range of items from food to personal care and school supplies.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 2

# National Consumer Policy almost done

PENAMPANG: The drafting of the National Consumer Policy (DPN) 2.0 is in its final phase and is expected to be finalised by year-end, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said DPN 2.0 would serve as the main reference for all stakeholders in implementing consumer-related initiatives and programmes nationwide from 2026 to 2030.

Armizan said the policy would also outline the roles and responsibilities of all stakeholders, including those indirectly involved with consumer affairs.

"The relationship between these various stakeholders is crucial to ensuring effective implementation of consumer protection laws and the dissemination of accurate, comprehensive information to help create empowered Malaysian consumers," he said in his speech at the 2025 Consumerism Festival here today.

Themed "Semarak Konsumerisme", the three-day festival, which concluded today, marked the highlight of the 2025 National Consumer Day celebration and drew participation from school and university students nationwide.

The programme was organised as a key platform to gather recommendations and views on DPN 2.0, which will serve as part of the input in finalising the formulation of the consumer policy.

Armizan said DPN 2.0 was also designed to enhance preparedness in addressing current challenges within the consumer ecosystem, including weaknesses in regulatory and enforcement aspects, as well as low consumer literacy levels that were prone to exploitation.

He said other challenges included the use of products that did not comply with safety standards or were not environmentally friendly, fraudulent transactions, and the misuse of digital technology, particularly artificial intelligence.

According to him, DPN 2.0 would also place emphasis on cost of living issues through an inclusive and responsive approach, including the implementation of the Payung Rahmah MADANI Programme, broader use of the Ihsan MADANI Portal as a reference for price and essential goods information, and the application of cost of living indicators to guide consumer spending.

Meanwhile, Armizan said the Kita Pengguna Squad (SKiP) would be mobilised as a bridge between the government and the people in addressing consumerism issues in a more responsive and inclusive manner, forming the foundation for the effective implementation of DPN 2.0.

He said the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living aimed to register 25,000 SKiP members by the end of the year to strengthen its role in driving consumerism advocacy nationwide.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 2

# Dasar Pengguna Negara 2.0 dimuktamad menjelang akhir tahun ini – Armizan

PENAMPANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam fasa akhir memuktamadkan Dasar Pengguna Negara (DPN 2.0) sebelum akhir tahun ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, DPN 2.0 akan menjadi rujukan utama kepada semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan inisiatif serta aktiviti kepenggunaan bagi tempoh tahun 2026 hingga 2030.

Katanya, DPN 2.0 dirangka bagi memperkukuhkan kesiapsiagaan dalam menghadapi cabaran semasa yang semakin kompleks dalam ekosistem kepenggunaan.

Menurutnya, inisiatif yang sejajar dengan aspirasi menyemarakkan kesedaran dan akitivisme konsurisme itu akan turut memperincikan peranan dan tanggungjawab setiap pemegang taruh berkaitan pengguna.

"DPN 2.0 juga memberi penekanan kepada isu kos sara hidup rakyat melalui pendekatan dasar yang inklusif dan responsif antaranya, pelaksanaan Program Payung Rahmah Madani.

"Ini termasuk perluasan penggunaan Portal Ihsan Madani sebagai rujukan maklumat harga dan barangan keperluan serta penggunaan indikator kos sara hidup sebagai panduan perbelanjaan pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang media selepas merasmikan Festival Kepenggunaan 2025 (Confest 2025) sempena acara kemuncak sambutan Hari Pengguna Kebangsaan di ITCC, di sini, Ahad.

Lebih 900 peserta dari seluruh negara menyertai pelbagai aktiviti dianjurkan di program dengan tema 'Semarak Konsumerisme' selama tiga hari bermula 11 hingga 13 Julai itu.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, Confest 2025 juga akan menjadi platform penting untuk mengumpul syor, pandangan dan aspirasi anak muda yang akan dijadikan input bagi penggubalan DPN 2.0.

Katanya, Skuad Kita Pengguna (SKiP) juga telah ditubuhkan di bawah DPN 2.0 kerana gerakan program ini memerlukan partisipasi pelbagai pemegang taruh termasuk masyarakat awam.

"Skip merupakan salah satu strategi KPDN mendapatkan penglibatan orang ramai, sejajar inisiatif 'Kita Gempur' seterusnya menjadi rakan strategik KPDN dalam menggerakkan advokasi kepenggunaan di seluruh negara.

"KPDN mensasarkan pertambahan ahli SKiP seramai 25,000 orang menjelang hujung tahun 2025 ini, seterusnya menjadi teras kepada keberkesanan pelaksanaan DPN 2.0.

"Justeru sempena Confest 2025 ini, kita melancarkan logo rasmi SKiP, sekaligus menjadi penghubung antara rakyat dan kerajaan bagi menangani isu-isu kepenggunaan secara lebih responsif dan inklusif," katanya.

ASIA TIMES EST 1995
HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 9

# National Consumer Policy 2.0 to be finalised by year-end

PENAMPANG: The drafting of the National Consumer Policy (DPN) 2.0 is in its final phase and is expected to be finalised by year-end, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said DPN 2.0 would serve as the main reference for all stakeholders in implementing consumer-related initiatives and programmes nationwide from 2026 to 2030.

Armizan said the policy would also outline the roles and responsibilities of all stakeholders, including those indirectly involved with consumer affairs.

"The relationship between these various stakeholders is crucial to ensuring effective implementation of consumer protection laws and the dissemination of accurate, comprehensive information to help create empowered Malaysian consumers," he said in his speech at the 2025 Consumerism Festival here yesterday.

Themed "Semarak Konsumerisme", the three-day festival, which concluded yesterday, marked the highlight of the 2025 National Consumer Day celebration and drew participation from school and university students nationwide.

The programme was organised as a key platform to gather recommendations and views on DPN 2.0, which will serve as part of the input in finalising the formulation of the consumer policy.

Armizan said DPN 2.0 was also designed to enhance preparedness in addressing current challenges within the consumer ecosystem, including weaknesses in regulatory and enforcement aspects, as well as low consumer literacy levels that were prone to exploitation.

He said other challenges included the use of products that did not comply with safety standards or were not environmentally friendly, fraudulent transactions, and the misuse of digital technology, particularly artificial intelligence.

According to him, DPN 2.0 would also place emphasis on cost-of-living issues through an inclusive and responsive approach, including the implementation of the Payung Rahmah MADANI Programme, broader use of the Ihsan MADANI Portal as a reference for price and essential goods information, and the application of cost-of-living indicators to guide consumer spending.

Meanwhile, Armizan said the Kita Pengguna Squad (SKiP) would be mobilised as a bridge between the government and the people in addressing consumerism issues in a more responsive and inclusive manner, forming the foundation for the effective implementation of DPN 2.0.

He said the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living aimed to register 25,000 SKiP members by the end of the year to strengthen its role in driving consumerism advocacy nationwide. - Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 14

# 16 projek pembangunan fizikal bagi KAM siap sepenuhnya - Armizan

Oleh **JOHN TAMBANAN**

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada Sabtu menganjurkan Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) bertempat di Sekolah Kebangsaan Kaiduan, Papar.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, program Kampung Angkat MADANI merupakan antara inisiatif baharu Kerajaan Persekutuan yang dimulakan pada tahun 2024.

Katanya, antara objektifnya adalah untuk merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar.

"Pelaksanaan program ini tidak hanya tertumpu kepada projek-projek infrastruktur, tetapi turut melibatkan pengisian bukan fizikal seperti sesi libat urus bersama komuniti untuk memahami isu dan keperluan sebenar serta penyediaan perkhidmatan bergerak daripada pelbagai agensi kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan mercu tanda Kampung Angkat MADANI Mukim Kaiduan, Papar pada Sabtu. Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Limbahau, Datuk Juil Nuatim.

Armizan berkata, bagi pelaksanaan tahun 2024, setiap kementerian ditetapkan untuk memilih sebuah kampung sebagai Kampung Angkat MADANI.

Katanya, bagi merealisasikan inisiatif murni ini, kerajaan telah memperuntukkan RM107 juta bagi melaksanakan projek Kampung Angkat MADANI di 43 kampung terpilih di seluruh negara.

"Setiap kementerian dan agensi yang terlibat, termasuk KPDN, menerima peruntukan RM2.5 juta bagi melaksanakan projek pembangunan di kampung angkat masing-masing," katanya.

Armizan, yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, Mukim Kaiduan, Papar telah dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI bagi KPDN.

Pemilihan ini berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan, antaranya tahap liputan kemudahan asas yang masih berada di bawah 50 peratus.




TERBAIK ... Armizan (tengah) menunjukkan isyarat 'bagus' sejurus merasmikan mercu tanda Kampung Angkat MADANI Mukim Kaiduan, Papar pada Sabtu

Program Kampung Angkat MADANI KPDN telah dilancarkan secara rasmi pada 24 Mei 2024.

Katanya, sejak dilancarkan, Program Kampung Angkat MADANI KPDN ini telah menyaksikan komitmen dan kerjasama semua pihak dalam menggerakkan projek-projek yang telah dikenal pasti berdasarkan aspirasi penduduk setempat.

Katanya, sebanyak 16 projek pembangunan fizikal yang disenaraikan telah siap sepenuhnya dan kini telah mula dimanfaatkan oleh penduduk.

Katanya, antara projek utama termasuk membaik pulih jalan culvert, membina jambatan baharu, dan naik taraf jalan Kampung Kaiduan, pembinaan jambatan baharu Low Level Crossing (LLC) di Kampung Ulu Kaiduan, naik taraf jalan di Kampung Bisuang, pembinaan jambatan gantung baharu ke SK Kaiduan, pembinaan surau baharu dan dewan serbaguna di SK Kaiduan, naik taraf gereja, balai raya dan pembinaan gelanggang sepak takraw baharu Kampung Bolotikon, membaik pulih jambatan gantung, membina laluan pejalan kaki berbukit, dan menabur batu kasaran (crusher run) di jalan utama Kampung Moliyoun dan pemasangan lampu solar di Kampung Kaiduan, Kampung Bisuang dan Kampung Bolotikon.

Armizan berkata, projek-projek yang telah siap disasarkan dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat melalui akses perhubungan dan pengangkutan yang selamat, keselesaan rumah ibadat untuk aktiviti keagamaan dan merancakkan aktiviti sosioekonomi masyarakat setempat.

Katanya, kejayaan program ini adalah hasil sinergi di antara KPDN, Kementerian Kewangan Malaysia, Pejabat Pembangunan Negeri Sabah (SDO), dan Pejabat Daerah Papar sebagai agensi pelaksana. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pemimpin setempat dan seluruh warga Mukim Kaiduan atas sokongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang proses pelaksanaan projek ini.

KPDN berharap agar semua kemudahan yang telah disediakan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh penduduk Mukim Kaiduan. Kementerian turut menyeru agar usaha penyelenggaraan dan penambahbaikan berterusan dilakukan bagi memastikan inisiatif ini menjadi citra pembangunan lestari yang berkekalan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995



# LLC Ulu Kaiduan beri manfaat kepada lebih 2,000 penduduk

**PAPAR: Pembinaan jambatan baharu Low Level Crossing (LLC) di Kampung Ulu Kaiduan memberi manfaat kepada lebih 2,000 penduduk.**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Limbahau Datuk Juil Nuatim berkata jambatan di bawah peruntukan Kampung Angkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu sedikit sebanyak telah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk, terutama Kampung Bisuang.

"Ini memberi manfaat kepada lebih kurang 2,000 orang, bukan sahaja dari Kampung Kaiduan, Kampung Bisuang dan Kampung Borotikon ia merangkumi semua dari Kampung Kogopon, Kampung Mandalipau juga.

"Jambatan yang telah dibina ini menyelesaikan perkara yang memang rumit semasa musim hujan, tapi sekarang ini keraguan ataupun kerisauan orang kampung telah pun orang bilang tertutuplah.

"Dengan adanya jambatan



**JUIL ketika ditemui media.**

itu juga, semua orang boleh keluar dan masuk tanpa ragu-ragu, tidak lagi melihat kepada takut hujan, takut banjir. Dulu kalau banjir, kereta akan tinggal di dalam tersekat di sana tak boleh keluar jadi sekarang ini sudah tiada masalah.

"Begitu juga kepada guru-guru yang dulu cuma melalui jambatan gantung dan sekarang ini kereta sudah boleh masuk," jelas beliau kepada media semasa Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) di



TINJAU...Juil (sembilan dari kiri) mengiringi Armizan (tengah) meninjau LLC yang telah siap.

Sekolah Kebangsaan Kaiduan, Papar dirasmikan oleh Menteri KPDN Datuk Armizan Mohd Ali, pada Sabtu.

Tambah Juil, jambatan LLC kini mula merancakkan sektor eko-pelancongan di sekitar kawasan terbabit.

"Ya memang sekarang ini, penduduk kampung dapat manfaat daripada jalan yang bagus kemudian jembatan yang ada dan ini boleh meningkatkan lagi pendapatan khasnya eko-pelancongan. Memang berebut-rebut sudah orang-orang kampung untuk menwujudkan pusat pelancongan," ujar beliau.

Sementara itu, seorang ibu, Betty Justin, 45, berasa lega apabila dapat menghantar anak bongsunya, Karlbee Kardu, Tahun 6 di Sekolah Kebangsaan Kaiduan terus di pagar sekolah ketika hujan.

"Sebelum ini anak saya naik jambatan gantung saja pergi ke sekolah setiap hari, kalau bukan musim hujan ok lah tapi kalau hujan ada risau juga keselamatan dia.

"Sudah ada jambatan ini,



**SALAH seorang ibu kepada pelajar SK Kaiduan, Betty Justin.**

kami boleh hantar dia guna kereta sampai depan sekolah," katanya.

Turut berasa lega, pesara Jabatan Haiwan, Bindis Guntalib, 65, dari Kampung Mendikat, yang kini boleh bebas bergerak untuk berjumpa rakan-rakan di Kampung Bisuang tanpa kerisauan walaupun musim hujan.

LLC sepanjang 36 meter yang dinaik taraf sejak 26 Ogos tahun lepas dengan kos RM600,000 merupakan salah satu daripada 16 projek pembangunan fizikal yang kini telah siap sepenuhnya di bawah inisiatif kerajaan persekutuan, Program Kampung Angkat MADANI yang dilancarkan pada 24 Mei 2024.-Penerangan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 2

# National Consumer Policy 2.0 to be finalised by year-end

PENANGPANG: The drafting of the National Consumer Policy (DPN) 2.0 is in its final phase and is expected to be finalised by year-end, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said DPN 2.0 would serve as the main reference for all stakeholders in implementing consumer-related initiatives and programmes nationwide from 2026 to 2030.

Armizan said the policy would also outline the roles and responsibilities of all stakeholders, including those indirectly involved with consumer affairs.

"The relationship between these various stakeholders is crucial to ensuring effective implementation of consumer protection laws and the dissemination of accurate, comprehensive information to help create empowered Malaysian consumers," he said in his speech at the national-level Consumer Festival 2025 (CONFEST 2025 here on Sunday.

The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) hosted the CONFEST 2025 with a strong focus on empowering Malaysians to become more informed and resilient consumers.

Held from July 11 to 13 at ITCC Penampang, the event marked the highlight of this year's National Consumer Day celebration, carrying the theme "Igniting Consumerism." The festival brought together 900 students from across the country to take part in various competitions and activities.

Officiating the event, Armizan said the festival was designed to boost public involvement in consumer affairs, aligning with the ministry's efforts to finalise the DPN 2.0.

"CONFEST 2025 is not just about fun activities like the Battle of the Buskers, Musical Sketch, Rhythmic Talk and Smart Trolley Exploration. It's a platform to listen to the people — especially the youth," he said.

Students from primary, secondary and tertiary institutions participated after being selected through state and zonal-level competitions. Government agencies and strategic partners also set up booths offering information and services to visitors.

Armizan said the festival also served as a public engagement channel to gather feedback that would inform the final draft of DPN 2.0, which will act as a key reference document for all stakeholders in matters of consumer protection in Malaysia.



Armizan (left) speaking to the media at the closing of Consumer Festival 2025 at ITCC Penampang on Sunday. — Bernama photo

> The relationship between these various stakeholders is crucial to ensuring effective implementation of consumer protection laws and the dissemination of accurate, comprehensive information to help create empowered Malaysian consumers.
>
> Datuk Armizan Mohd Ali

"The new policy will clearly define the roles and responsibilities of all stakeholders — whether directly or indirectly involved in consumer affairs," he said.

He emphasised that stronger collaboration between the government, industry players, and the public is vital in protecting consumers amid rising challenges such as weak enforcement, low consumer literacy, fraudulent transactions, unsafe products, and emerging threats from technologies like Artificial Intelligence (AI).

DPN 2.0 will also address cost-of-living concerns through a responsive and inclusive policy framework, Armizan said.

Among key initiatives under the ministry are the MADANI Rahmah Umbrella Programme, the expansion of the MADANI Ihsan Portal for essential price references, and the introduction of cost-of-living indicators to help Malaysians manage their spending wisely.

In tandem with the new policy, KPDN is also strengthening its Kita Pengguna Squad (SKiP) — a nationwide volunteer network aimed at championing consumer rights at the grassroots level.

"SKiP is one of our core strategies under the KITA GEMPUR initiative.

"These volunteers will help educate the public on their rights and empower them to act within the law," Armizan explained.

SKiP will include members from all segments of society — public, private, community-based, and rural — and serve as a bridge between the people and the government.

"By the end of 2025, we aim to grow SKiP's membership to 25,000 nationwide. They will be the backbone of DPN 2.0's success," said Armizan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 2

# LLC Ulu Kaiduan beri manfaat kepada lebih 2,000 penduduk

**PAPAR:** Pembinaan jambatan baharu Low Level Crossing (LLC) di Kampung Ulu Kaiduan memberi manfaat kepada lebih 2,000 penduduk.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Limbahau Datuk Juil Nuatim berkata jambatan di bawah peruntukan Kampung Angkat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu sedikit sebanyak telah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk, terutama Kampung Bisuang.

"Ini memberi manfaat kepada lebih kurang 2,000 orang, bukan sahaja dari Kampung Kaiduan, Kampung Bisuang dan Kampung Borotikon ia merangkumi semua dari Kampung Kogopon, Kampung Mandalipau juga.

"Jambatan yang telah dibina ini menyelesaikan perkara yang memang rumit semasa musim hujan, tapi sekarang ini keraguan ataupun kerisauan orang kampung telah pun orang bilang tertutuplah.

"Dengan adanya jambatan itu juga, semua orang boleh keluar dan masuk tanpa ragu-ragu, tidak lagi melihat kepada takut hujan, takut banjir. Dulu kalau banjir, kereta akan tinggal di dalam tersekat di sana tak boleh keluar jadi sekarang ini sudah tiada masalah.

"Begitu juga kepada guru-guru yang dulu cuma melalui jambatan gantung dan sekarang ini kereta sudah boleh masuk," jelas beliau kepada media semasa Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) di Sekolah Kebangsaan Kaiduan, Papar dirasmikan oleh Menteri KPDN Datuk Armizan Mohd Ali, pada Sabtu.

Tambahnya, jambatan LLC kini mula merancakkan sektor ekopelancongan di sekitar kawasan terbabit.

"Ya memang sekarang ini, penduduk kampung dapat manfaat daripada jalan yang bagus kemudian jambatan yang ada dan ini boleh meningkatkan lagi pendapatan khasnya ekopelancongan. Memang berebut-rebut sudah orang-orang kampung untuk mewujudkan pusat pelancongan," katanya.

Sementara itu, seorang ibu, Betty Justin, 45, berasa lega apabila dapat menghantar anak bongsunya, Karlbee Kardu, Tahun 6 di Sekolah Kebangsaan Kaiduan terus di pagar sekolah ketika hujan.

"Sebelum ini anak saya naik jambatan gantung saja pergi ke sekolah setiap hari, kalau bukan musim hujan ok lah tapi kalau hujan ada risau juga keselamatan dia.

"Sudah ada jambatan ini, kami boleh hantar dia guna kereta sampai depan sekolah," katanya.

Turut berasa lega, pesara Jabatan Haiwan, Bindis Guntalib, 65, dari Kampung Mendikat, yang kini boleh bebas bergerak untuk berjumpa rakan-rakan di Kampung Bisuang tanpa kerisauan walaupun musim hujan.

LLC sepanjang 36 meter yang dinaik taraf sejak 26 Ogos tahun lepas dengan kos RM600,000 merupakan salah satu daripada 16 projek pembangunan fizikal yang kini telah siap sepenuhnya di bawah inisiatif kerajaan persekutuan, Program Kampung Angkat MADANI yang dilancarkan pada 24 Mei 2024. — Peneranga




**KONVOI: Armizan (enam dari kiri), Juil (tiga dari kanan) dan Pegawai Daerah Papar Muhammad Mohd Ali (dua dari kanan) membuat pelepasan konvoi motosikal.**




**BETTY**



**BINDIS**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 8

# 16 projek pembangunan fizikal diserahkan kepada KAM Mukim Kaiduan




**GIMIK:** Armizan (tengah) menyempurnakan gimik perasmian majlis.



**HIBURAN:** Armizan (dua dari kanan) bersama warga Kaiduan mendendangkan lagu 'Proton Saga Kelabu'.



**SEMANGAT:** Acara akhir tarik tali antara kampung di Mukim Kaiduan.

**PAPAR:** Sejumlah 16 projek pembangunan fizikal yang siap sepenuhnya diserahkan kepada Kampung Angkat MADANI (KAM) Mukim Kaiduan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali berkata, program itu antara inisiatif baharu kerajaan Persekutuan bertujuan merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar.

"Pelaksanaan program ini tidak hanya tertumpu kepada projek projek infrastruktur, tetapi turut melibatkan pengisian bukan fizikal seperti sesi libat urus bersama komuniti untuk memahami isu dan keperluan sebenar serta penyediaan perkhidmatan bergerak daripada pelbagai agensi kerajaan.

"Bagi merealisasikan inisiatif murni ini, kerajaan memperuntukkan RM107 juta bagi melaksanakan projek KAM di 43 kampung terpilih di seluruh negara.

"Setiap kementerian dan agensi yang terlibat, termasuk KPDN, menerima peruntukan RM2.5 juta bagi melaksanakan projek pembangunan di kampung angkat masing-masing.

"Mukim Kaiduan Papar dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI bagi KPDN berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan, antaranya tahap liputan kemudahan asas yang masih berada di bawah 50 peratus," katanya semasa ditemui media dalam selepas Majlis Penyerahan Projek KAM, pada Sabtu.

Menurutnya, semua projek siap ini akan dimanfaatkan sepenuhnya agar dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat melalui akses perhubungan dan pengangkutan yang selamat, keselesaan rumah ibadat untuk aktiviti keagamaan dan merancakkan aktiviti sosioekonomi penduduk sekitarnya.

"Antara projek utama termasuklah membaik pulih jalan culvert, membina jambatan baharu, dan naik taraf jalan Kampung Kaiduan.

"Pembinaan jambatan baharu 'Low Level Crossing' (LLC) di Kampung Ulu Kaiduan dan projek naik taraf jalan di Kampung Bisuang selain dari pembinaan jambatan gantung baharu ke SK Kaiduan.

"Pembinaan surau baharu dan dewan serbaguna di SK Kaiduan, projek naik taraf gereja, balairaya dan pembinaan gelanggang sepak takraw baharu Kampung Bolotikon.

"Selain itu projek membaik pulih jambatan gantung, membina laluan pejalan kaki berbukit, dan menabur batu kasaran (crusher run) di jalan utama Kampung Moliyoun serta projek pemasangan lampu solar di Kampung Kaiduan, Kampung Bisuang dan Kampung Bolotikon juga telah siap dan dimanfaatkan penduduk," tambahnya.

Turut hadir dalam majlis tersebut Ahli Undangan Negeri (ADUN) Limbahau Datuk Juil Nuatim dan Pegawai Daerah Papar Mohammad Mohd Ali. — Penerangan

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

南洋商報
NANYANG SIANG PAU
HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 3

## 会员最关注RON95补贴重组

本次大会提案有7个课题获得较大关注，当中关注度最高的是补贴合理化政策对通胀的影响，尤其是RON95汽油补贴。

该提案由彭亨、巴生、登嘉楼、吉打、北霹雳、马六甲、玻璃市集体提出。

他们建议政府采取逐步调整方式，分12个月落实，或逐年减少20%，让业者与民众有适应空间，减缓对市场价格及就业冲击。

同时也呼吁政府合理控制必需品价格，并在合理化补贴期间维持针对性援助的平衡，确保不会转嫁负担至人民身上。

另一个关注点是税务课题。槟城、沙闽、吉打及马六甲会员吁请政府检讨与调整本月1日生效的销售及服务税（SST）扩征措施。

他们建议推迟至明年1月落实，并以4%税率起步、分阶段调高税率及检讨服务税门槛等，减轻企业负担。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 2

## 内贸部启动侦查行动4.0

# 捉借SST涨价商家

（吉隆坡13日讯）国内贸易及生活成本部副部长拿督傅芝雅警告，借销售及服务税（SST）之名擅自涨价牟利的商家，将面临执法组严厉对付。

她指出，贸消部已全面启动"侦查行动4.0"（OPS KESAN 4.0），加强对市场价格，尤其是餐饮和基本民生商品的监督，防止不法商家趁机哄抬价格。

据《星报》报道，傅芝雅说，内贸部将密切追踪市场价格走势，包括启动侦察行动4.0以侦测价格波动，以打击借销售及服务税之名调整牟利的行为，一旦发现不合理涨幅，将依法严惩，保障消费者权益不受侵害。

她说，内贸部已准备好接收和回应公众的投诉，并呼吁各界积极参与监督工作，共同维护市场秩序。



傅芝雅：保障消费者权益不受侵害。

她希望各方都能发挥各自的角色，而该部也会认真处理所有投诉。

随着扩征销售及服务税的措施在本月1日正式落实，内贸部随即在全国展开侦查行动4.0，严防市场出现不合理涨价现象。

另一方面，内贸部长拿督阿米占早前提及，该部执法组将依据4大原则展开执法工作，包括详细审查被纳入本轮新征税下的商品及服务项目，确保超过征税门槛的业者已向关税局注册。

他指出，执法单位将检视价格与利润率，以判断是否涉及牟利行为，若违反2011年价格管制和反暴利法令，将依法采取行动。他提醒业者，在调整价格或服务费前，必须全面审慎评估各项因素。

他也鼓励商家积极与关税局及财政部沟通，以更清晰掌握政策方向与合规要求，同时可向内贸部执法组咨询，确保不因误判而违法。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY
HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 5

# 阿米占：國盟拒合作“沙盟更省事”

（兵南邦13日讯）国盟主席丹斯里慕尤丁公开拒绝在沙巴州选，与沙巴人民联盟（GRS）合作一事，让沙盟副秘书长拿督阿米占说：“由衷感谢，这对沙盟来说省事多了。”

他认为，慕尤丁周五在山打根的声明，直接揭露双方从未提出过合作的提议，沙盟无需再作出任何解释，而且沙盟也不必特别发表声明拒绝与某方面合作，否则会显得沙盟傲慢和自大。

“无需等我们开口，沙巴国阵和国盟先后表明拒绝沙盟的立场，沙盟现在只要专注向前迈进，争取人民的支持，而不是争取其他联盟的支持。”

阿米占也是国内贸易及生活费部长。他今天在兵南邦主持2025年全国消费人庆典闭幕礼后指出，他不愿针对慕尤丁指控沙盟“背叛”国盟置评，因为沙巴首席部长拿督哈芝芝诺曾提醒过，不要随意评论他人，尤其对方还是备受尊敬的前首相。

他认为，最重要的是一切事情发生的价值与意义，当初推选哈芝芝担任首长，目的就是要为沙巴带来改变。

他说，若是加入全国政党或全国性联盟，无论是首长人选或选举候选人，都会由西马的联邦领导层所决定，当选者以后也必须忠诚并服从西马的领袖。

阿米占指出，本土政党的不同之处，便是候选人由本土政党领袖所决定和颁发委任状，首席部长人选也是本土政党的领袖，而沙巴州领袖都由沙巴人民所投选出来，沙巴人民有充分的自主权。

## 权力掌握在沙人民手中

“我们要发出清晰的信号，真正的权力掌握在沙巴人民手中，沙巴的主人不在西马半岛，沙巴人民才是真正的主人。“

他也强调，沙盟领袖及人民代议士一直都身在沙巴，为本州人民服务和奋斗，不像一些西马领袖，每隔3、4个月才来沙巴一次。

“我们不是不顾国家的利益，但那是联邦政府的责任。沙巴政府的首要任务是沙巴，一切以沙巴为主。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 17



*Nancy pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Pejabat Pendidikan Daerah Kuching di Petra Jaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

# Gubal RUU kawal 'pamer' kanak-kanak di media

## Mantapkan perundangan jamin keselamatan digital generasi muda

**Oleh Mohd Roji Kawi**
mdroji@bh.com.my

**Kuching:** Rang Undang-Undang (RUU) bagi mengawal pendedahan berlebihan kanak-kanak perlu digubal bagi melindungi golongan itu di media.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata ketika ini Malaysia tidak memiliki peruntukan undang-undang khusus berkaitan pendedahan kanak-kanak sama ada menerusi iklan di televisyen atau media sosial.

Beliau berkata, langkah itu penting kerana banyak negara lain sudah mempunyai undang-undang kukuh untuk melindungi kanak-kanak dalam media digital dan Malaysia juga perlu bergerak ke arah yang sama.

"Penggubalan undang-undang akan dikendalikan Bahagian Undang-Undang di bawah Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang diterajui Datuk Seri Azalina Othman Said dengan kerjasama rapat Kementerian Digital dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

"Kementerian kami (KPWKM) tidak menggubal undang-undang secara langsung, tetapi kami sedia bekerjasama dan memberikan input bersama agensi lain," katanya pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Pejabat Pendidikan Daerah Kuching di Dewan Hikmah, Petra Jaya, di sini, semalam.

### Tak tahu cara lindung diri

Laporan UNICEF baru-baru ini mendedahkan 40 peratus kanak-kanak di Malaysia tidak mengetahui cara melindungi diri mereka ketika melayari internet, manakala 83 peratus lagi terdedah kepada pelbagai risiko dalam talian akibat perlindungan tidak mencukupi.

Nancy berkata, inisiatif awal akan dilaksanakan menerusi penyertaan Malaysia pada Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) di Geneva, Januari tahun depan.

Beliau berkata, perbincangan bersama Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dan negara lain akan dijalankan untuk mendapatkan maklum balas serta input berkenaan isu keselamatan digital kanak-kanak.

Katanya, ketika ini kerajaan melalui Majlis Sosial Negara sedang menjalankan pelbagai intervensi membabitkan agensi seperti Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), MCMC dan Kementerian Pendidikan (KPM) bagi menangani isu itu secara menyeluruh.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: ISNIN
TARIKH: 14/7/2025
M/SURAT: 9

# 'Nasi lemak JB lagi mahal banding KL'

- Kerajaan Negeri Johor akui kos sara hidup meningkat
- Tumpuan khusus tangani inflasi

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI



ONN HAFIZ (tengah) bergambar bersama ahli Dewan Perniagaan Cina sempena Mesyuarat Agung Tahunan ACCCIM ke-79 di Johor Bahru semalam.

**JOHOR BAHRU** – Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi mengakui kos sara hidup di bandar raya ini semakin meningkat sehingga mengatasi beberapa bandar raya utama lain di Malaysia.

Sehubungan itu, beliau menegaskan kerajaan negeri akan memberikan tumpuan khusus kepada usaha menangani inflasi dalam usaha menjadi negeri maju menjelang 2030.

"Cabaran utama ketika ini adalah menangani inflasi. Ribuan rakyat Singapura menyeberang Tambak Johor pada hujung minggu untuk membeli barangan runcit dan kita dapat lihat harga makanan serta sewa semakin meningkat.

"Sebagai contoh, sepinggan nasi lemak ayam goreng berharga sekitar RM9 di sini, manakala hidangan sama di Kuala Lumpur hanya RM7. Ini jelas menunjukkan Johor semakin mahal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-79 Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM), di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan, Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia Johor, Lee Ting Han.

Beliau turut mengakui bahawa harga hartanah di Johor Bahru khususnya telah semakin meningkat sehingga sebahagiannya lebih mahal daripada harga hartanah di Singapura.

"Bagaimanapun, hartanah di sini masih kekal laku, sehubungan itu saya menyeru agar pemaju hartanah memperbanyakkan pembinaan rumah kediaman mampu milik.

"Sehubungan itu, saya menyeru komuniti perniagaan di negeri ini untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam menangani isu tersebut.

"Saya bangkitkan perkara ini kerana saya sedar saya tidak boleh melakukannya bersendirian. Kita mesti bekerjasama untuk menjadikan Johor dan Malaysia secara keseluruhan, lebih makmur," tambahnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 14 JULAI 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 14-Jul | KPDN Pahang gempur premis alih LPG ke stor tanpa lesen | https://www.sinarharian.com.my/article/738134/edisi/pahang/kpdn-pahang-gempur-premis-alih-lpg-ke-stor-tanpa-lesen | SINAR HARIAN |
| 14-Jul | KPDN Pahang serbu premis jual LPG secara borong tanpa lesen | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1418433/kpdn-pahang-serbu-premis-jual-lpg-secara-borong-tanpa-lesen | BERITA HARIAN |
| 14-Jul | Unlicensed LPG wholesaler raided, RM621,887 in goods seized | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1243152/unlicensed-lpg-wholesaler-raided-rm621887-goods-seized | NEW STRAITS TIMES |
| 14-Jul | Op Gasak: Sebanyak 1,100 Tong LPG Bernilai RM171,687 Dirampas Di Bentong | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2443961 | BERNAMA |
| 14-Jul | KPDN sita LPG dan lori ber-nilai RM621,887 | https://www.kosmo.com.my/2025/07/11/kpdn-sita-lpg-dan-lori-bernilai-rm621887/ | KOSMO |
| 14-Jul | Op Gasak: 1,105 tong gas dirampas di Bentong | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/op-gasak-1,105-tong-gas-dirampas-di-bentong | BERITA RTM |
| 14-Jul | USM steps up support for students amid SST-driven cost hike | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/07/1243208/usm-steps-support-students-amid-sst-driven-cost-hike | NEW STRAITS TIMES |
| 14-Jul | Dasar Pengguna Negara 2.0 dimuktamad menjelang akhir tahun ini | https://www.sinarharian.com.my/article/738506/berita/nasional/dasar-pengguna-negara-20-dimuktamad-menjelang-akhir-tahun-ini | SINAR HARIAN |
| 14-Jul | Dasar pengguna negara 2.0 dimuktamad menjelang akhir tahun ini - Armizan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dasar-pengguna-negara-20-dimuktamad-menjelang-akhir-tahun-ini-armizan-529272 | ASTRO AWANI |
| 14-Jul | Dasar Pengguna Negara 2.0 bakal dimuktamad akhir ta-hun ini | https://thesun.my/cerita/berita/dasar-pengguna-negara-20-bakal-dimuktamad-akhir-tahun-ini-IH14466169 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14-Jul | Dasar Pengguna Negara 2.0 dimuktamad menjelang akhir tahun ini - Menteri | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1419502/dasar-pengguna-negara-20-dimuktamad-menjelang-akhir | BERITA HARIAN |
| 14-Jul | Dasar Pengguna Negara 2.0 dalam fasa akhir penggubalan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/dasar-pengguna-negara-2-0-dalam-fasa-akhir-penggubalan | BERITA RTM |
| 14-Jul | National Consumer Policy 2.0 to be finalised by year-end: Armizan | https://www.dailyexpress.com.my/news/262451/national-consumer-policy-2-0-to-be-finalised-by-year-end-armizan/ | DAILY EXPRESS |
| 14-Jul | KPDN Gubal Dasar Pengguna Negara 2.0, Tekad Perkasa Konsumerisme Rakyat dan Bina Pengguna Celik Hak | https://sabahnews.com.my/kpdn-gubal-dasar-pengguna-negara-2-0-tekad-perkasa-konsumerisme-rakyat-dan-bina-pengguna-celik-hak/ | SABAH NEWS |
| 14-Jul | Dasar pengguna negara 2.0 dimuktamad menjelang akhir tahun ini - Armizan | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2444857 | BERNAMA |
| 14-Jul | Dasar baharu pengguna fokus cabaran digital, kos sara hidup dan keselamatan produk | https://selangorkini.my/2025/07/dasar-baharu-pengguna-fokus-cabaran-digital-kos-sara-hidup-dan-keselamatan-produk/ | SELANGOR KINI |
| 14-Jul | KPDN sasar 25,000 ahli SKIP menjelang hujung tahun ini | https://www.kosmo.com.my/2025/07/13/kpdn-sasar-25000-ahli-skip-menjelang-hujung-tahun-ini/ | KOSMO |
| 14-Jul | CONFEST 2025 platform perkasa kepenggunaan dan rangka Dasar Pengguna Negara 2.0 | https://sabahmedia.com/2025/07/13/confest-2025-platform-perkasa-kepenggunaan-dan-rangka-dasar-pengguna-negara-2-0/ | SABAH MEDIA |